Kumanaan a/l Anthony Vincent lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05(M)-184–05 TAHUN 2017 DAN K-05(M)-186–05 TAHUN 2017
ZAWAWI SALLEH, AHMADI ASNAWI DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
30 MEI 2018

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh disabitkan atas kesalahan mengedar dadah — Tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman mati — Sama ada identiti tertuduh pertama disahkan — Sama ada terdapat keterangan prima facie — Sama ada terdapat niat bersama antara tertuduh-tertuduh — Sama ada sabitan dan hukuman selamat

Pegawai polis SP3 telah berjumpa dengan sumber yang mengatakan bahawa akan berlaku satu aktiviti pengedaran dadah oleh seorang bernama 'Boy'. Mereka menelefon Boy dan dalam perbualan telefon tersebut, SP3 menuruh Boy berjumpa dengannya. Pada hari yang ditetapkan, SP3 bertemu dengan Boy di sebuah restoran dan setelah tawar-menawar, SP3 memberitahu Boy bahawa wang bayaran berada di dalam keretanya di Caltex berdekatan. SP3 dan Boy keluar dari restoran tersebut dan menuju ke Caltex. Boy kemudian pergi mengambil barang di dalam keretanya yang diletakkan di di Caltex yang sama. Sekembalinya Boy, dia membawa satu kotak. Apabila dibuka, SP3 melihat terdapat satu plastik hitam dan dua bungkusan lutsinar berisi serbuk dan ketulan disyaki heroin yang mengandungi bahan yang disyaki syabu. SP3 memberi isyarat dan Boy telah ditangkap. Boy dicamkan sebagai perayu pertama manakala pemandu kereta daripada mana dadah tersebut diambil dicamkan sebagai perayu kedua. Laporan ahli kimia mengesahkan bahawa dadah yang dirampas ialah 25.59g heroin, 8.96g monoacetylmorphines dan 73.60g methamphetamine. Berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie, perayu-perayu dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara berpendapat bahawa perayu-perayu gagal membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Perayu-perayu disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan-rayuan ini. Isu-isu yang timbul adalah: (a) identiti tertuduh pertama; (b) niat bersama tertuduh pertama dan kedua; dan (c) kegagalan memanggil sumber.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Perayu pertama dicamkan oleh SP3 sebagai Boy yang diperkenalkan oleh sumber. Perayu pertama adalah orang yang duduk berbincang dengan SP3 dan perbicangan ini melibatkan jual beli dadah, harga dan transaksi. Serbuan diketua oleh SP5. Hakim bicara tidak terkhilaf dalam menerima keterangan SP3, SP5 dan SP6 sebelum mensabitkan perayu-perayu atas pertuduhan. Boy ialah perayu pertama dalam kes ini (lihat perenggan 20).

(2) Tidak dinafikan bahawa rundingan jual beli dadah hanya melibatkan SP3 dan perayu pertama. Walau bagaimanapun, setelah satu persetujuan dicapai, perayu pertama pergi ke kereta yang dipandu oleh perayu kedua dan membawa keluar satu kotak berisi dadah untuk diserah kepada SP3. Tiada alasan untuk menolak dapatan yang dibuat oleh hakim bicara. Walaupun perayu kedua hanya duduk di dalam kereta dan tidak keluar berjumpa dan berbincang dengan SP3 di restoran tersebut, barang kes ada padanya di dalam kereta. Oleh itu, perayu pertama dan kedua mempunyai perancangan awal dan niat bersama dalam melakukan kesalahan (lihat perenggan 22 & 27).

(3) Peranan yang dimainkan oleh sumber adalah kecil iaitu hanya setakat memperkenalkan perayu pertama kepada SP3 yang bertindak sebagai penyamar sulit. Setelah memperkenalkan SP3, sumber terus beredar dan tidak terlibat dalam perbincangan jual beli dadah antara perayu pertama dan SP3. Tiada merit dalam bantahan perayu-perayu tentang kegagalan memanggil sumber (lihat perenggan 24).

[English summary

SP3, a police officer had met up with an informer who informed him that there would be a drug trafficking activity by a man named 'Boy'. They called Boy and in a telephone conversation, SP3 told Boy to meet him. On the said day, SP3 met Boy at a restaurant and after a negotiation, SP3 told Boy that the money was in his car at a nearby Caltex. SP3 and Boy got out of the restaurant and headed for Caltex. Boy then went to pick up some things from his car which was parked at the same Caltex. Upon his return, Boy brought a box. When opened, SP3 saw a black plastic bag and two transparent packets of powder and solids suspected to be containing syabu. SP3 gave a signal and Boy was arrested. Boy was identified as the first appellant while the driver of the car from which the drugs were picked up from was the second appellant. The chemist's report confirmed that the seized drugs were 25.59g heroin, 8.96g monoacetylmorphines and 73.60g methamphetamine. Satisfied that the prosecution has proven a prima facie case, the appellants were called to enter their defence. At the end of the defence case, the judge held that the appellants failed to raise reasonable doubts on the prosecution's case. The appellants were convicted for the offence and sentenced to death. Hence, the present appeals. The issues that arose were: (a) the identity of the first accused; (b) the common

intention of the first and second accused persons; and (c) failure to call the informer.

Held, dismissing the appeal:

(1) The first appellant was identified by SP3 as Boy who was introduced by the informer. The first appellant was the person sitting during discussion with SP3 and this discussion involved buying and selling drugs, prices and transactions. The raid was headed by SP5. The trial judge did not err in admitting the evidence of SP3, SP5 and SP6 before convicting the appellants for the charge. Boy was the first appellant in this case (see para 20).

(2) There was no denying that negotiations for the sale of drugs only involved SP3 and the first appellant. However, once an agreement was reached, the first appellant went to the car driven by the second appellant and brought out a box containing drugs to be handed over to SP3. There was no reason to reject the findings made by the trial judge. Even though the second appellant sat in the car and did not come out to meet and talk to SP3 at the restaurant, the box was is in the car. Therefore, the first and second appellants had a pre-arranged plan and common intention to commit the offence (see paras 22 & 27).

(3) The role played by the informer was minor, which was only to introduce the first appellant to SP3 who acted as an impostor. After introducing SP3, the informer left and was not involved in the discussions for the sale of drugs between the first appellant and SP3. There was no merit in the appellant's objection against thefailure to call the informer (see para 24).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Ghazalee bin Kassim & Ors v PP [2018] Supp MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737, MP (dirujuk)

PP v Sa'ari bin Jusoh [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197, MP (dirujuk)

Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v PP [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 39B(1)(a), (2), 40, 40A, Jadual Pertama Kanun Keseksaan s 34

Burhanuddin Abdul Wahid (Burhan & Co) dalam Rayuan Jenayah No K-05(M)-184–05 Tahun 2017 bagi pihak perayu.

Muhamed Arif Shaharudin (Mohd Rafiee Noordin bersamanya) (Rafiee & Sani) dalam Rayuan Jenayah No K-05(M)-186–05 Tahun 2017 bagi pihak perayu.
Mangaikiarasi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

LATARBELAKANG

[1] Perayu-perayu telah dituduh dan dibicarakan di hadapan hakim Mahkamah Tinggi Alor Setar ('hakim bicara') dengan dua pertuduhan, iaitu secara niat bersama mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang membawa hukuman mati mandatori di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Butir-butir kedua-dua pertuduhan ialah seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu bersama-sama pada 09hb Januari 2014 jam lebih kurang 6.20 petang, di tempat letak kereta stesyen minyak Caltex, Jalan Sejati Indah, Taman Sejati Indah, Sungai Petani, di dalam daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah didapati *mengedar* dadah berbahaya iaitu *38.55 gram (29.59 gram Heroin dan 8.96 gram Monoacetylmorphines)*. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.
>
> Pertuduhan Kedua
>
> Bahawa kamu bersama-sama pada 09hb Januari 2014 jam lebih kurang 6.20 petang, di tempat letak kereta stesyen minyak Caltex, Jalan Sejati Indah, Taman Sejati Indah, Sungai Petani, di dalam daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu *Methamphetamine seberat 73.60 gram*. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Di akhir perbicaraan, hakim bicara telah mensabitkan perayu-perayu dengan kedua-dua pertuduhan dan telah menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas perayu-perayu atas kedua-dua petuduhan. Terkilan dengan sabitan dan hukuman mati tersebut, perayu-perayu telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

[4] Kami telah mendengar rayuan perayu-perayu pada 18 April 2018. Setelah mendengar hujahan pihak-pihak dan meneliti rekod-rekod rayuan, kami telah dengan sebulat suara menolak rayuan perayu-perayu. Kami telah

mengesahkan kedua-dua sabitan dan hukuman mati oleh hakim bicara. Kini kami memperincikan alasan-alasan penolakan rayuan perayu-perayu.

KES PENDAKWAAN

[5] Secara ringkasnya, kes pendakwaan ialah seperti berikut:

(a) pada 9 Januari 2014, Detektif Sarjan Saiful Bahari bin Zi ('SP3') telah diarahkan oleh ASP Abdul Razak bin Osman ('SP5') untuk menjalankan satu tugas khas dan berjumpa dengan sumber berdaftar berkaitan dengan satu maklumat mengenai aktiviti pengedarah dadah jenis heroin dan syabu yang aktif di kawasan Sungai Petani, Kedah;

(b) SP3 telah memandu sebuah kereta pasukan, Perodua Kancil KBA 6419 dan pergi berjumpa dengan sumber yang menunggu di Plaza Tol Sg Petani Selatan. Sumber telah menaiki kereta yang dipandu oleh SP3 dan mereka telah pergi ke Restoran Pelita, Taman Sejati, Sg Petani. Di situ, sumber telah memaklumkan kepada SP3 berkaitan aktiviti pengedaran dadah oleh seorang lelaki India yang menggunakan nama samaran ('Boy');

(c) sumber juga telah memaklumkan kepada SP3 bahawa 'Boy' menggunakan nombor telefon bimbit 014–7984242. SP3 telah meminta sumber untuk menghubungi 'Boy' dan apabila 'Boy' menjawab panggilan itu, sumber telah meminta 'Boy' untuk bercakap dengan 'Abang dari Langkawi' (SP3);

(d) dalam perbualan telefon itu, SP3 telah bertanyakan kepada 'Boy' tentang berapa harga 'panas' (heroin) dan berapa harga 'sejuk' (ice/syabu). 'Boy' telah memaklumkan kepada SP3 bahawa harga 'panas' ialah RM7,800 untuk satu paun dan harga 'sejuk' ialah RM14,000 untuk 100g;

(e) SP3 telah meminta supaya harga dikurangkan tetapi 'Boy' enggan untuk menurunkan harga dengan memberikan alasan bahawa 'Boy' masih belum mengenali SP3. 'Boy' telah menyuruh SP3 supaya berjumpa dengannya di Restoran Pelita pada jam 6 petang hari itu. 'Boy' meminta SP3 menelefonnya dengan menggunakan nombor telefon yang sama (telefon sumber) apabila SP3 telah sampai di Restoran Pelita tersebut;

(f) SP3 telah memaklumkan kepada SP5 berkenaan dengan perjumpaannya dengan sumber yang telah diatur dan hasil perbincangan melalui telefon dengan sasaran ('Boy'). SP5 telah memberikan arahan untuk SP3 hadir dalam satu taklimat untuk menangkap sasaran yang akan disampaikan oleh SP5 di IPD Kuala Muda;

(g) pada jam 4.30 petang, SP5 telah memberikan taklimat kepada pegawai dan anggota pasukan serbuan yang terdiri dari tiga pegawai dan 17 anggota. SP3 turut hadir dalam taklimat itu dan telah dilantik sebagai

penyamar sulit (AP). SP3 telah diserahkan dengan satu set *walkie-talkie* dan wang tunjuk (*flash money*) sejumlah RM29,600. Dalam taklimat itu juga, SP3 telah diarahkan untuk membuka topi sebagai isyarat supaya pasukan serbuan membuat serbuan, tangkapan dan rampasan barang kes dadah. Selepas taklimat, pasukan serbuan yang diketuai oleh SP5 telah pergi ke lokasi dan mengambil tempat di kawasan Restoran Pelita dan di sekitar kawasan stesen minyak Caltex yang berada di hadapan Restoran Pelita tersebut;

(h) pada jam 6.20 petang hari yang sama, SP3 telah masuk ke kawasan parkir di stesen minyak Caltex dan telah berjumpa dengan sumber di sana. SP3 telah meminta sumber untuk menghubungi 'Boy'. 'Boy' memaklumkan bahawa dia akan melambaikan tangan dari dalam Restoran Pelita. SP3 melihat 'Boy' melambaikan tangan dari dalam Restoran Pelita yang berada bertentangan dengan stesen minyak Caltex tersebut;

(i) SP3 dan sumber kemudiannya terus bergerak ke Restoran Pelita dan berjumpa dengan 'Boy' di sana. Di dalam Restoran Pelita, sumber telah memperkenalkan SP3 kepada 'Boy' sebagai 'Abang dari Langkawi' yang meminta bekalan dan berbincang harga sebelum itu. Selepas memperkenalkan SP3 kepada 'Boy', sumber terus beredar dari situ atas alasan mempunyai urusan yang lain;

(j) di dalam Restoran Pelita, SP3 mengajak 'Boy' minum dan SP3 juga meminta harga dikurangkan tetapi 'Boy' tidak bersetuju kerana ini pertama kali mereka berurusan. 'Boy' menyatakan setelah dua hingga tiga kali berurusan, 'Boy' bersedia untuk mengurangkan harga. 'Boy' seterusnya hendak melihat wang bayaran bagi dadah yang telah dipesan oleh SP3. SP3 memberitahu bahawa wang bayaran tersebut berada di dalam kereta SP3 yang diparkir di tempat letak kereta di kawasan stesen minyak Caltex;

(k) SP3 dan 'Boy' bergerak keluar dari Restoran Pelita menuju ke kereta SP3 yang diparkir di kawasan stesen minyak Caltex. Sampai di kereta, SP3 telah membuka pintu bahagian pemandu dan masuk ke dalam kereta dan seterusnya membuka pintu hadapan bahagian penumpang dari dalam. 'Boy' masuk ke dalam kereta. SP3 kemudiannya telah mengambil beg yang berada di bawah tempat duduk pemandu dan mengeluarkan satu beg plastik dan menunjukkan duit *note* campur-campur yang diikat dengan gelang getah sejumlah RM29,600. 'Boy' bertanya sama ada cukup atau tidak. SP3 kata cukup. 'Boy' hendak mengira wang tersebut tetapi SP3 kata kalau nak kira kiralah. 'Boy' mengambil duit tersebut dan mengira satu persatu. Baru sahaja mengira setengah, 'Boy' mengatakan cukuplah;

(l) SP3 seterusnya berkata hendak melihat barang yang ditempah dan jika betul baru hendak serahkan wang tersebut. Jika tiada masalah, wang akan diserahkan dan barang diambil pada masa yang sama (istilah yang digunakan oleh SP3 adalah *'kiri-kanan'*). Seterusnya, 'Boy' menyerahkan semula wang tersebut kepada SP3 dan SP3 menyimpan kembali wang tersebut di bawah tempat duduk pemandu;

(m) 'Boy' kemudiannya memberitahu SP3 bahawa dia hendak keluar dari kereta untuk mengambil barang dari kawannya yang menunggu di kawasan stesen minyak Caltex itu juga. 'Boy' kemudiannya telah keluar daripada kereta dan SP3 pun keluar dari kereta dan melihat 'Boy' berjalan kaki ke sebelah kanan menuju ke arah laluan masuk ke stesen minyak Caltex itu. SP3 menganggarkan jarak 'Boy' berjalan kaki adalah dalam 20 ke 30 meter menuju ke sebuah kereta Proton Persona yang diparkir berdekatan laluan masuk ke stesen minyak Caltex itu. SP3 melihat 'Boy' masuk ke dalam kereta Proton Persona itu yang nombor pendaftarannya WVH 5171. Tidak lama kemudiannya, 'Boy' kelihatan keluar dari kereta Proton Persona itu sambil memegang satu kotak berwarna putih dan berjalan menuju ke kereta SP3;

(n) apabila 'Boy' sampai ke kereta SP3, SP3 bertanya apa yang dibawa oleh 'Boy' dan meminta 'Boy' memasuki kereta. SP3 membuka pintu kereta bahagian pemandu dan masuk ke dalam kereta dan membuka pintu bahagian penumpang hadapan dari dalam. 'Boy' masuk ke dalam kereta dan SP3 meminta 'Boy' membuka kotak yang dibawa. 'Boy' membuka kotak tadi dan di dalamnya SP3 melihat terdapat satu plastik hitam dan juga dua bungkusan plastik lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan disyaki heroin dan satu paket plastik lutsinar yang mengandungi bahan disyaki syabu;

(o) SP3 meminta 'Boy' memasukkan semula barangan tersebut ke dalam kotak kerana SP3 hendak membuat bayaran dan pada masa yang sama SP3 membuka pintu kereta dan keluar dari kereta dan berdiri sambil membuka topi yang dipakainya sebagai isyarat tangkapan kepada anggota serbuan. Melihat akan isyarat tangkapan tersebut, SP5 dan anggota serbuan telah meluru ke kereta Perodua Kancil tersebut dan berjaya menahan 'Boy'. 'Boy' telah dicamkan oleh SP3 dan SP5 sebagai perayu pertama. Pada masa yang sama, kereta Proton Persona WVH 5171 telah ditahan oleh ASP Shaifulmunzir bin Abd Rahman ('SP6') dan anggota serbuan yang lain dan telah menahan seorang lelaki India yang sedang duduk di bahagian pemandu. Lelaki India ini kemudiannya dicamkan sebagai perayu kedua. Kedua-dua tangkapan dan barang kes serta kenderaan terlibat telah dibawa balik ke IPD, Kuala Muda; dan

(p) siasatan dijalankan oleh Inspektor Mohd Nazaro Hassan bin Abdullah ('SP7'). Barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia. Ahli Kimia, Puan Haslinda bt Ismail ('SP1') telah menjalankan analisa ke atas bahan-bahan

yang disyaki dadah berbahaya tersebut dan hasil analisa, SP1 mengesahkan bahawa dua paket plastik (masing-masing bertanda 'R1' dan 'R2') mengandungi sejumlah 896.86g (berat bersih) bahan ketulan dan serbuk berwarna putih. Setelah dianalisis SP1 mendapati bahan tersebut mengandungi 29.59g heroin dan 8.96g monoacetylmorphines. Satu paket plastik bertanda 'R3' pula mengandungi 98.79g (berat bersih) bahan kristal jernih dan setelah dianalisis didapati bahan tersebut mengandungi 73.60g methamphetamine. SP1 turut mengesahkan bahawa heroin, monoacetylmorphines dan methamphetamine adalah dadah-dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[6] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu-perayu atas kedua-dua pertuduhan. Hakim bicara telah berpuas hati setelah membuat pertimbangan secara maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa semua elemen bagi setiap pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap kedua-dua perayu.

[7] Hakim bicara telah menerima keterangan SP3 yang bertindak sebagai penyamar sulit. Keterangan seorang penyamar sulit boleh diterima masuk di bawah s 40A Akta yang memperuntukkan seperti berikut:

> 40A(1) Nothwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, no agent provocateur shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having attempted to abet or abetted the commission of an offence by any person under this Act if the attempt to abet or abetment was for the sole purpose of securing evidence against such person.
>
> (2) Notwithstanding any rule of law or this Act or any other written law to the contrary, and that the agent provocateur is a police officer whatever his rank or any officer of customs, any statement, whether oral or in writing made to an agent provocateur by any person who subsequently is charged with an offence under this Act shall be admissible as evidence at his trial.

[8] Keterangan SP3 jelas menunjukkan terdapat perbincangan awal melalui perbualan telefon dengan perayu pertama dan perbualan selanjutnya secara bersemuka mengenai transaksi jual beli dadah berbahaya oleh SP3 dengan perayu pertama. Perbuatan perayu pertama dan perayu kedua menjual dadah berbahaya kepada SP3 terjumlah kepada takrifan pengedaran di bawah s 2 Akta (lihat *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197).

[9] Hakim bicara juga membuat dapatan positif bahawa perayu-perayu

mempunyai niat bersama sebagaimana ditakrifkan di bawah s 34 Kanun Keseksaan dalam memiliki dan mengedar dadah-dadah berbahaya yang dipertuduhkan. Walaupun perbincangan berlaku di antara SP3 dengan perayu pertama, namun fakta bahawa perayu kedua berada di dalam kereta Proton Persona WVH 5171 di mana barang kes dadah-dadah berbahaya tersebut berada, menunjukkan pengetahuan dan penglibatan bersama perayu kedua dalam transaksi jual beli dadah tersebut dengan SP3. Hakim bicara bergantung kepada keputusan dalam kes *Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17 dan *Ghazalee bin Kassim & Ors v Public Prosecutor* [2018] Supp MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737.

[10] Setelah berpuas hati bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap kedua-dua perayu atas kedua-dua pertuduhan, hakim bicara telah memerintahkan perayu-perayu untuk membela diri atas kedua-dua pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu-perayu.

PEMBELAAN PERAYU-PERAYU

[11] Perayu pertama telah memilih untuk memberi keterangan membela diri secara bersumpah. Secara ringkasnya, pembelaan perayu pertama adalah seperti berikut:

(a) dia tinggal di Seberang Jaya, Pulau Pinang dan bekerja sebagai seorang kontraktor. Pada hari kejadian, dia tidak bekerja. Pada hari itu, kawannya bernama Gobi atau 'Boy' telah menghubunginya melalui telefon pada jam 2.30 petang dan mengajak dia pergi ke Sg Petani untuk berjumpa dengan seorang kawan;

(b) Gobi datang menjemputnya di rumah pada jam 4.30 petang dan mereka bergerak ke Sg Petani dengan menaiki kereta Gobi melalui Lebuh Raya Utara Selatan;

(c) selepas melepasi Tol Sg Petani Selatan, Gobi telah menghubungi seseorang dan berkata 'saya telah sampai dan jumpa di mana?';

(d) Gobi bertanya sama ada dia lapar dan Gobi mencadangkan mereka makan di Restoran Pelita. Pada masa itu, jalan di hadapan Restoran Pelita sesak dengan kenderaan dan Gobi telah meletakkan kereta selang empat hingga lima buah kedai dari Restoran Pelita. Selepas turun dari kereta, dia terus menghisap rokok sambil berjalan menuju ke Restoran Pelita;

(e) selepas masuk ke dalam Restoran Pelita, dia pergi membasuh tangan dan mencari tempat duduk. Gobi kemudiannya sampai sambil memegang satu beg plastik;

(f) beg plastik yang dibawa oleh Gobi diletakkan di kerusi kosong bersebelahan dengan perayu pertama. Setelah selesai makan, Gobi

menerima satu panggilan telefon dan selepas selesai bercakap dalam telefon, Gobi berpesan kepada perayu pertama supaya perayu pertama terus makan sementara Gobi hendak keluar untuk pergi ke *supermarket* untuk membeli barang. Selepas lebih kurang sepuluh minit kemudian, seorang lelaki Melayu yang perayu pertama camkan sebagai SP3 telah datang dan terus menepuk bahagian belakang perayu pertama serta bertanya 'mana Gobi?';

(g) perayu pertama telah menjawab bahawa Gobi telah pergi ke supermarket. SP3 telah duduk di kerusi yang sebelumnya diduduki oleh Gobi dan terus memesan makanan sementara perayu pertama sendiri terus makan. Semasa sedang makan, SP3 bertanya macam mana perayu pertama mengenali Gobi. Perayu pertama menyatakan dia tidak pernah mengenali SP3 sebelum ini;

(h) setelah selesai makan dan memandangkan ramai pelanggan datang ke restoran tersebut, SP3 telah mengajak perayu pertama untuk pergi ke keretanya. Perayu pertama terus bangun untuk pergi membuat bayaran dan telah membawa bersamanya beg plastik yang sebelumnya ditinggalkan oleh Gobi. Selesai membuat bayaran, perayu pertama keluar dari Restoran Pelita dan menghisap rokok di bahagian kaki lima Restoran tersebut sambil mengekori SP3 dari belakang;

(i) apabila SP3 tiba di keretanya dan perayu pertama berada di sebelah kiri bahagian penumpang hadapan kereta tersebut, sekumpulan orang datang menyerbu dan menangkap perayu pertama. Perayu pertama menafikan dia ada masuk ke dalam kereta itu;

(j) perayu pertama menyatakan kali pertama dia melihat beg plastik itu adalah semasa dibawa oleh Gobi masuk ke dalam Restoran Pelita. Perayu pertama tidak mengetahui apakah kandungan yang terdapat di dalam beg plastik tersebut; dan

(k) perayu pertama menafikan bahawa dia pernah bercakap atau berhubung dengan SP3 melalui telefon bimbit. Perayu pertama juga menyatakan dia tidak mengenali perayu kedua sebelum tangkapan.

[12] Keterangan pembelaan perayu kedua yang diberikannya secara bersumpah dapat diringkaskan seperti berikut:

(a) pada hari kejadian jam lebih kurang 4 petang, dia telah menerima panggilan telefon daripada majikannya, Arumugam a/l Marasiraiman ('SD3') yang memintanya supaya pergi ke Sg Petani untuk berjumpa dengan seorang lelaki bernama Mr Tan bagi urusan melihat lori yang hendak dibeli oleh syarikat SD3;

(b) perayu kedua telah memberitahu SD3 bahawa dia tidak tahu jalan ke Sg Petani. SD3 telah meminta perayu kedua untuk berada di stesen minyak

Caltex di Sg Petani pada jam 6.30 petang. Perayu kedua telah balik ke rumahnya terlebih dahulu untuk mandi dan kemudiannya telah bertolak ke Sg Petani dengan memandu kereta Proton Persona WVH 5171;

(c) pada jam lebih kurang 6 petang, dia tiba di Plaza Tol Sg Petani Selatan dan dia melalui jalan di mana di kiri terdapat Restoran Pelita dan di kanannya terdapat stesen minyak Caltex dan belum sempat dia memberhentikan keretanya, dia telah dihalang oleh dua buah kereta. Beberapa orang telah keluar dari dalam dua buah kereta tersebut dan mereka menyerbu ke arahnya. Dia telah diminta keluar dari kereta dan telah ditahan dan digari; dan

(d) perayu kedua menegaskan bahawa dia tidak mengenali perayu pertama sebelum itu dan hanya bertemu perayu pertama pertama kali di dalam lokap.

[13] Setelah membuat penelitian dan pertimbangan keseluruhan keterangan pembelaan perayu-perayu, hakim bicara membuat dapatan bahawa pembelaan perayu-perayu telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Sebaliknya, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap perayu-perayu melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Perayu-perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan. Justeru, rayuan perayu-perayu di hadapan kami.

ALASAN RAYUAN PERAYU-PERAYU

[14] Di hadapan kami, peguambela perayu pertama telah membangkitkan hanya satu isu sahaja berkaitan dengan identiti sebenar 'Boy'. Peguambela menghujahkan bahawa tidak ada keterangan daripada mana-mana saksi pendakwaan, terutamanya SP3, yang boleh mengesahkan identiti 'Boy' ini adalah perayu pertama.

[15] Peguambela juga menghujahkan tiada apa-apa persetujuan telah dicapai di antara SP3 dengan 'Boy' mengenai jual beli dadah sewaktu perbualan telefon. Selain itu, peguambela turut menghujahkan bahawa tiada bukti dikemukakan untuk menunjukkan nombor telefon 'Boy' yang dihubungi oleh sumber atas arahan SP3 adalah milik perayu pertama. Telefon bimbit yang dirampas dari perayu juga tidak disiasat oleh pihak polis. Peguambela akhirnya menghujahkan bahawa hakim bicara telah gagal untuk mempertimbangkan keterangan bahawa 'Boy' yang sebenarnya adalah Gobi dan barang kes dadah yang dipertuduhkan sebenarnya telah dibawa dan ditinggalkan oleh Gobi di Restoran Pelita.

[16] Peguambela perayu kedua pula telah membangkitkan dua alasan rayuan berikut:

(a) tiada keterangan kes prima facie untuk mengaitkan perayu kedua dengan kedua-dua pertuduhan dan hakim bicara telah terkhilaf apabila memerintahkan perayu kedua membela diri atas kedua-dua pertuduhan; dan

(b) pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen niat bersama terhadap perayu kedua. Peguambela menghujahkan bahawa tidak dibuktikan terdapat perancangan awal antara perayu pertama dengan perayu kedua untuk memiliki dan menjual dadah kepada SP3 dan bahawa tiga buah telefon yang dirampas daripada perayu kedua langsung tidak disiasat. Peguambela juga berhujah bahawa tidak jelas keterangan saksi-saksi pendakwaan melihat barang kes dadah telah diambil keluar oleh perayu pertama dari dalam kereta Proton Persona WVH 5171 yang dipandu oleh perayu kedua.

KEPUTUSAN KAMI

[17] Kami telah berpeluang meneliti rekod rayuan dan kami mendapati bahawa identiti sebenar 'Boy' adalah perayu pertama berdasarkan kepada keterangan SP3. Bermula dengan perbualan telefon dengan seorang yang menggelarkan dirinya sebagai 'Boy' yang menggunakan talian 014–7984242 sehinggalah kemudiannya satu pertemuan telah diadakan di Restoran Pelita. Semasa pertemuan itu, sumber telah memperkenalkan perayu pertama kepada SP3 sebagai 'Boy' dan sumber turut memperkenalkan SP3 sebagai 'Abang dari Langkawi'. Keterangan SP3 tidak dicabar dan tidak dipertikaikan oleh perayu pertama sebelum rundingan jual beli dadah berlangsung di antara SP3 dengan perayu pertama.

[18] Kami telah meneliti keterangan SP3 di ms 58–59 rekod rayuan Jld 2A, seperti berikut:

TPR: Selepas awak dah parking awak buat apa?

J: Selepas parking saya jumpa sumber balik.

TPR: Jumpa dekat mana tu?

J: Di kawasan Caltex saya minta dia berhubung dengan 'Boy' balik. Apabila sumber telah berhubung semasa itu saya berada di tempat parking kawasan Caltex, 'Boy' memberitahu sumber dia telah lambai tangan yang mana 'Boy' ini ada dalam Restoran Pelita berdepan. Restoran dengan Caltex tu berdepan.

Yang Arif: Kemudian?

J: Saya bersama sumber pergi berjumpa 'Boy' dalam restoran tempat 'Boy' duduk di bahagian luar kaki lima restoran. Sumber kenalkan dengan 'Boy', 'Ini abang yang

tadi tengahari you contact abang daripada Langkawi yang minta bekalan dan berbincang hal harga tadi.' Selepas sumber kenalkan saya bersama 'Boy' sumber pun memberitahu dia ada kerja lain. Saya pun bagitau dekat sumber tak apa saya jumpa dengan 'Boy' you kenalkan saya akan minta dia kurang ataupun saya akan berbincang lagi. Sumber pun beredar daripada kawasan itu.

TPR: Ulang balik?

J: Setelah sumber kenalkan ini 'Boy' sumber dah kenalkan saya ini Abang Langkawi. OK 'Boy' dengan abang sembang sumber akan keluar daripada kawasan tersebut pasal ada urusan lain.

[19] Dalam pemeriksaan balas, SP3 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa perayu pertama bukanlah 'Boy' yang SP3 maksudkan. Dalam keterangan pembelaannya, perayu pertama menyatakan bahawa kawannya yang bernama Gobi yang dikenali dengan panggilan 'Boy' namun ini tidak dicadangkan kepada SP3. Apa yang dicadangkan kepada SP3 ialah seperti di ms 86 rekod rayuan Jld 2A seperti berikut:

S: Dan saya cadangkan juga kepada En Saiful bahawa tertuduh pertama ini bukanlah lelaki yang nama 'Boy'. Totally orang lain maksudnya tertuduh pertama ini bukan 'Boy'?

J: Saya tak setuju Yang Arif.

[20] Perayu pertama telah dicamkan oleh SP3 di mahkamah sebagai penama 'Boy' yang telah diperkenalkan oleh sumber di Restoran Pelita. Perayu pertama adalah orang yang duduk berbincang sambil minum dan makan di Restoran Pelita. Perbincangan di antara SP3 dengan perayu pertama melibatkan jual beli dadah, tentang harga dan transaksi jual beli secara 'kiri-kanan'. Setelah harga disetujui, perayu pertama telah masuk dalam kereta Kancil untuk melihat wang bagi harga bayaran. Perayu pertama telah mengira wang harga bayaran berjumlah RM29,600. Perayu pertama kemudian telah mengambil satu kotak berwarna putih yang mengandungi dadah yang dipertuduhkan dari dalam kereta Persona yang dipandu oleh perayu kedua untuk diserahkan kepada SP3 sebelum serbuan dilakukan oleh pasukan diketuai oleh SP5. Semua keterangan dan fakta ini telah diterima oleh hakim bicara. Kami mendapati hakim bicara tidak khilaf dalam menerima keterangan SP3, SP5 dan SP6 sebelum mensabitkan perayu-perayu atas kedua-dua pertuduhan. Kami juga mendapati bahawa penama 'Boy' ialah perayu pertama dalam kes ini. Watak 'Gobi' hanyalah satu ciptaan dan rekaan perayu pertama untuk melepaskan dirinya dari pertuduhan.

[21] Hakim bicara telah menolak pembelaan perayu-perayu sebagai satu penafian dan rekaan semata-mata. Penilaian dan dapatan hakim bicara mengenai pembelaan perayu-perayu kami perturunkan seperti di ms 75–80 rekod rayuan, Jld 1 seperti berikut:

A [33] Tertuduh Pertama semasa memberi keterangan menyatakan bahawa butiran perbualan antaranya dengan SP3 hanyalah pertanyaan dari SP3 bagaimana mengenali GOBI dan juga SP3 bertanya Tertuduh Pertama tinggal di mana. Walau bagaimanapun jika diteliti soalan yang diutarakan kepada SP3 oleh peguambela Tertuduh Pertama, peguambela Tertuduh Pertama mencadangkan bahawa SP3 dan
B Tertuduh Pertama berada di dalam Restoran Pelita selama 15–16 minit dan dalam masa itu peguambela Tertuduh Pertama mencadangkan bahawa SP3 ada bertanya kepada Tertuduh Pertama sama ada 'Boy' ada meninggalkan apa-apa barang untuk SP3. Kedua-dua soalan dari peguambela Tertuduh Pertama tersebut tidak dipersetujui oleh SP3. Seterusnya peguambela Tertuduh Pertama mencadangkan
C kepada SP3 di dalam soalan balas bahawa Tertuduh Pertama ada memberitahu SP3 bahawa 'Boy' ada meninggalkan satu kotak untuk SP3. Adalah nyata bahawa apa yang dicadangkan oleh peguambela Tertuduh Pertama kepada SP3 semasa soalan balas adalah bertentangan dengan keterangan Tertuduh Pertama semasa pembelaan.

D [34] Jika diteliti corak soalan balas peguambela Tertuduh Pertama, ia menggambarkan bahawa Tertuduh Pertama mengetahui bahawa GOBI meninggalkan satu kotak untuk diserahkan kepada SP3 tetapi semasa Tertuduh Pertama memberi keterangan pembelaan, dia menyatakan bahawa perbualan antara dia dan SP3 hanya berkisar kepada bagaimana Tertuduh Pertama mengenali GOBI dan Tertuduh Pertama tinggal di mana. Itu saja.

E [35] Tertuduh Pertama di dalam keterangan pembelaannya menyatakan bahawa GOBI telah membawa satu beg plastik putih ke dalam Restoran Pelita tetapi Tertuduh Pertama tidak mengetahui kandungan beg plastik putih tersebut. Semasa SP3 disoal balas oleh peguambela Tertuduh Pertama yang semestinya mendapat
F arahan daripada Tertuduh Pertama, peguambela telah mencadangkan kepada SP3, bahawa Tertuduh Pertama memberitahu SP3 bahawa 'Boy' telah meninggalkan satu kotak untuk SP3.

G [36] Lanjutan daripada itu juga, barang kes yang akhirnya dirampas oleh pihak polis daripada Tertuduh Pertama merupakan satu kotak kertas warna putih dan di dalam kotak putih ini didapati mengandungi barang disyaki dadah berbahaya. Tiada beg plastik putih yang dirampas daripada Tertuduh Pertama (Lihat Borang Serah Menyerah Barang Kes — Ekshibit P12 dan gambar Ekshibit P8D).

H [37] Berkaitan keterangan Tertuduh Kedua pula, Tertuduh Kedua menyatakan bahawa dia tidak mengenali Tertuduh Pertama sebelum kejadian ini. Adakah ini satu kebetulan kerana kedua-dua mereka datang dari kawasan yang sama. Tertuduh Pertama dari 22 Lorong Sembilang 12, Seberang Jaya, Pulau Pinang manakala Tertuduh Kedua dari 11 Tingkat Siakap 1, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Tertuduh Kedua menyatakan di dalam keterangan pembelaannya bahawa sebaik sahaja dia memasuki jalan masuk ke stesen minyak Caltex, Sungai Petani itu, keretanya telah dihalang oleh dua kereta dan seterusnya dia ditangkap. SP5 dan pasukannya telah
I mengambil kedudukan di stesen minyak Caltex seawal jam 5.50 petang lagi. SP5 dapat melihat kedatangan SP3 yang menaiki kereta Kancil KBA 6419 dan juga melihat SP3 dan sumber berjalan menuju ke arah Restoran Pelita.

[38] SP5 juga di dalam keterangannya mengesahkan bahawa sumber ada beredar dari Restoran Pelita meninggalkan SP3 dan Tertuduh Pertama. Kemudiannya SP5

melihat SP3 dan Tertuduh Pertama keluar daripada Restoran Pelita dan menuju ke arah kereta KBA 6419 tadi dan kedua-dua mereka masuk melalui pintu hadapan penumpang sebelah pemandu. Mereka berada di dalam lebih kurang 5-10 minit dan kemudiannya SP5 melihat Tertuduh Pertama keluar daripada kereta dan berjalan ke arah jalan masuk ke stesen minyak Caltex dan masuk ke dalam kereta Proton Persona WVH 5171 yang telah tersedia diletakkan di situ melalui pintu hadapan bahagian penumpang di sebelah pemandu. Kemudiannya SP3 melihat Tertuduh Pertama keluar daripada kereta Persona WVH 5171 itu sambil memegang satu kotak warna putih.

[39] ASP Shaifulmunzir Bin Abd Rahman (SP6) di dalam keterangannya antara lain menyatakan bahawa dia melihat lelaki India (yang kemudiannya dicamkan sebagai Tertuduh Pertama) keluar daripada kereta AP (SP3) dan berjalan ke arah kereta Persona dan masuk ke dalam kereta Persona tersebut dan keluar membawa satu kotak warna putih dan masuk semula ke kereta AP. SP3 kemudiannya keluar daripada kereta dan memberi isyarat tangan dan SP6 telah menghalang kereta Proton Persona WVH 5171 dengan kereta Proton Waja dan berjaya menahan Tertuduh Kedua yang sedang duduk di bahagian pemandu. Keterangan SD3 tidak dapat membantu kerana walaupun jika benar dia meminta Tertuduh Kedua ke Sungai Petani tetapi apa yang dilakukan oleh Tertuduh Kedua tidak diketahui olehnya.

[40] Saksi-saksi penting pendakwaan iaitu SP3, SP5 dan SP6 melihat Tertuduh memasuki kereta Proton Persona WVH 5171 dan keluar semula membawa satu kotak putih. Tertuduh Kedua pula ditangkap semasa berada di bahagian tempat duduk pemandu di dalam kereta Proton Persona WVH 5171. Tidak ada sebab untuk mahkamah ini tidak menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan ini. Dariapada penilaian keterangan di atas secara maksima adalah jelas bahawa pembelaan kedua-dua tertuduh adalah penafian semata-mata dan jalan cerita pembelaan adalah rekaan semata-mata. Mahkamah ini juga menolak kewujudan GOBI yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan iaitu oleh Tertuduh Pertama. Tertuduh Pertama adalah 'BOY' yang duduk dan berbincang dengan SP3 di dalam Restoran Pelita tersebut berkaitan urusan jual beli dadah dan Tertuduh Kedua sememangnya mengenali Tertuduh Pertama dan bersama-sama terlibat di dalam kejadian ini.

[22] Sekarang kami akan membincangkan alasan rayuan perayu kedua bahawa tiada kes prima facie telah dibuktikan terhadap perayu kedua. Kami bincangkan isu ini bersama dengan isu kedua yang dihujahkan oleh peguambela iaitu mengenai isu niat bersama. Kami dapati teras pembelaan perayu kedua adalah bahawa dia pergi ke tempat kejadian seorang diri kononnya untuk bertemu dengan Mr Tan bagi tujuan melihat lori yang akan dibeli oleh majikannya, SD3. Perayu kedua menafikan bahawa dia mengenali perayu pertama. Tidak dinafikan bahawa rundingan jual beli dadah berlaku hanya melibatkan SP3 dengan perayu pertama. Walau bagaimanapun, setelah satu persetujuan dicapai, perayu pertama telah pergi ke kereta Persona yang dipandu oleh perayu kedua dan telah membawa keluar satu kotak berwarna putih yang berisi dadah yang dipertuduhkan untuk diserahkan kepada SP3.

Saksi-saksi SP3, SP5 dan SP6 melihat perbuatan perayu pertama tersebut dan keterangan tersebut telah diterima oleh hakim bicara. Tiada alasan untuk kami menolak dapatan fakta yang telah dibuat oleh hakim bicara tersebut.

[23] Mengenai isu berkaitan nombor telefon yang tidak disiasat, kami mendapati tiada keperluan untuk telefon milik perayu-perayu disiasat oleh kerana perbincangan untuk jual beli dadah tidak dilakukan dan dimuktamadkan melalui perbualan telefon. Perbincangan jual beli dadah dalam kes ini telah dilakukakan secara terus dan bersemuka di antara SP3 dengan perayu pertama sementara bekalan dadah telah sedia berada di tempat duduk penumpang hadapan dalam kereta Proton Persona yang dipandu oleh perayu kedua. Kereta Proton Persona tersebut telah sedia berada di tempat kejadian dan bersedia dengan bekalan dadah yang akan diserahkan kepada SP3.

[24] Mengenai isu sumber yang tidak dipanggil untuk memberi keterangan yang turut ditimbulkan oleh peguambela perayu kedua, kami telah meneliti rekod rayuan dan mendapati bahawa peranan yang telah dimainkan oleh sumber dalam kes ini adalah kecil. Hanya setakat memperkenalkan perayu pertama kepada SP3 yang bertindak sebagai penyamar sulit. Setelah memperkenalkan SP3, sumber terus beredar dan tidak terlibat dalam perbincangan jual beli dadah di antara perayu pertama dengan SP3. Oleh itu kami mendapati tiada merit terhadap bantahan peguambela mengenai ketidakpanggilan sumber dalam kes ini.

[25] Seksyen 40 Akta membuat peruntukan mengenai perlindungan terhadap sumber seperti berikut:

> 40(1) Except as hereinafter provided, no complaint as to an offence under this Act shall be admitted in evidence in any civil or criminal proceeding whatsoever, and no witness shall be obliged or permitted to disclose the name or address of any informer, or state any matter which might lead to his discovery.
>
> (2) If any books, documents or papers which are in evidence or liable to inspection in any civil or criminal proceeding whatsoever contain any entry in which any informer is named or described or which might lead to his discovery, the Court before which the proceeding is had shall cause all such passages to be concealed from view or to be obliterated so far as is necessary to protect the informer from discovery, but no further.
>
> (3) If on trial for any offence under this Act the Court, after ful inquiry into the case, is of opinion that the informer wilfully made in his complaint a material statement which he knew or believed to be false or did not believe to be true, or if in any other proceeding the Court is of opinion that justice cannot be fully done between the parties thereto without the discovery of the informer, the Court may require the production of the original complaint, if in writing, and permit inquiry and require full disclosure concerning the informer.

[26] Isu yang sama telah diulas oleh hakim bicara dalam penghakimannya seperti di ms 47–51 rekod rayuan, Jld 1 dan kami petik seperti berikut:

> [17] Prinsip berkaitan peranan sumber ini adalah jelas terdapat di dalam nas kes-kes sebelum ini. Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17 telah dinyatakan dengan jelas berkaitan kedudukan seorang sumber dan *agent provocateur* iaitu:
>
> > [14] The law that governs the issue of agent provocateur and informer is provided for under ss 40 and 40A of the Act. Section 40 provides as follows:
> >
> > > 40(1) Except as hereinafter provided, no complaint as to an offence under this Act shall be admitted in evidence in any civil, or criminal proceeding whatsoever, and no witness shall be obliged or permitted to disclose the name or address of any informer, or state any matter which might lead to his discovery.
> > >
> > > (2) If any books, documents or papers which are in evidence or liable to inspection in any civil or criminal proceeding whatsoever contain any entry in which any informer is named or described or which might lead to hid discovery, the Court before which the proceeding is had shall cause all such passages to be concealed from view or to be obliterated so far as in necessary to protect the informer from discovery, but no further.
> > >
> > > (3) If on trial for any offence under this Act the Court, after full inquiry into the case, is of opinion that the informer willfully made in his complaint a material statement which he knew or believed to be false or did not believe to be true, or if in any other proceeding the Court is of opinion that justice cannot be fully done between the parties thereto without the discovery of the informer, the Court may require the production of the original complaint, if in writing, and permit inquiry and require full disclosure concerning the informer.
> >
> > Section 40A provides as follows:
> >
> > > 40A(1) Nothwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, no agent provocateur shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having attempted to abet or abetted the commission of an offence by any person under this Act if the attempt to abet or abetment was for the sole purpose of securing evidence against such person.
> > >
> > > (2) Nothwithstanding any rule of law of the provisions of this Act or any other written law to the contrary, and that the agent provocateur is a police officer whatever his rank or any officer of customs, any statement, whether oral or in writing made to an agent provocateur by any person who subsequently is charged with an offence under this Act shall be admissible as evidence at his trial.
> >
> > [15] The interpretation and the application of the above provisions of the Act have been discussed in a number of earlier decided cases. (See the cases of *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] 1 CLJ 250; [1987]

A CLJ Rep 221; *(1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng, and (4) Ng Ah Kiat v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336; [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ Rep 241; *Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233; *Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; [1995] 3 CLJ 1; *Ghazalee bin Kassim & Ors v Public Prosecutor* [2018] Supp
B MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737).

> [16] From the decision of the above cited cases, the position in law in relation to ss 40 and 40A of the Act is well settled and clear. The informer is protected from giving evidence whilst an agent provocateur is not protected. In other words, if a person is only an informer, the prosecutuion is not required to call him as a
C witness or offering him to the defence. An informer is protected under s 40 of the Act. On the other hand if a person is an agent provocateur, he is required to give evidence in court as a prosecution witness and if he is not called he has to be offered and made available to the defence. Failure to comply with this requirement will attract the application of adverse inference under s 114(g) of
D the Evidence Act against the prosecution's case.

> [18] Sama ada seseorang itu hanya berperanan sebagai sumber atau telah menjadi AP bergantung kepada fakta kes berkenaan. Jika diteliti keseluruhan keterangan di dalam kes ini serta keterangan daripada SP3 selaku AP, adalah jelas peranan sumber
E hanya memperkenalkan SP3 kepada Tertuduh Pertama. Walaupun telefon bimbit sumber digunakan untuk menghubungi Tertuduh Pertama, ia tidak boleh dikatakan sebagai satu peranan aktif yang dimainkan oleh sumber. Sumber juga tidak terlibat di dalam perbincangan kerana semasa perbincangan, sumber telah beredar daripada situ. Oleh itu saya berpendapat bahawa sumber di dalam kes ini tidak memainkan peranan aktif dan oleh itu dilindungi di bawah s 40(1) Akta
F Dadah Berbahaya 1952.

[27] Sekarang kami beralih kepada isu terakhir mengenai niat bersama. Isu niat bersama telah dipertimbangkan dan diputuskan oleh hakim bicara dalam penghakimannya. Kami bersetuju sepenuhnya dengan dapatan dan keputusan
G hakim bicara atas isu ini dan tiada keperluan untuk kami menambah mengenainya. Pandangan dan dapatan hakim bicara itu adalah seperti berikut:

> [13] Tertuduh pertama dan tertuduh kedua menghadapi dua pertuduhan di bawah dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun
H Keseksaan. Di dalam kes ini walaupun perbincangan adalah antara SP3 dan tertuduh pertama, tertuduh kedua berada di dalam kereta Proton Persona WVH 5171 di mana barang kes dadah tersebut diletak. Barang kes tersebut berada bersama tertuduh kedua. Semasa tertuduh pertama keluar berjumpa SP3, Tertuduh Kedua menunggu di dalam kereta WVH 5171 tersebut bersama barang kes dadah. Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Ghazalee bin Kassim & Ors v Public*
I *Prosecutor* [2018] Supp MLJ 461; [2009] 4 CLJ 737 telah dinyatakan bahawa:

> > [22] Section 34 of the Penal Code is invoked by the prosecution in order to prove that although an accused did not directly commit the criminal act, he was involved in a series of other acts with the others to show that he had the common intention of committing that criminal act with the others. The accused need not

be present together with the others who had committed the actual criminal act [6]. It is sufficient that he participated jointly with the others. It must however be shown that there was a prior arranged plan with the others. In other words, all those who are charged pursuant to s 34 of the Penal Code, must have the common intention to commit the offence charged.

[14] Di dalam membuktikan pemakaian s 34 ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa terdapatnya perancangan awal antara mereka iaitu niat bersama di dalam melakukan kesalahan tersebut. Di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, telah dinyatakan bahawa:

[29] it is a well established principle of law in dealing with the criminal liability under s 34 of the Penal Code that a pre-concert or pre-planning may develop on the spot or during the course of the commission of the offence, but the crucial test is that such plan must precede the act constituting the offence. The existence of common intention is a question of fact and in each case it may be proved as amatter of inference from the circumstances of the case. (See the cases of *Mahbub Shah v Emperor* AIR [1945] PC 118 and *Suresh v State of Uttar Pradesh AIR* [2010] SC 1344). In the present case, although the second appellant was not involved in the negotiation for the sale and purchase of the drugs, it is my judgment that the prosecution has established the common intention between the first appellant and the second appellant to commit the offence of trafficking of the said drugs. The pre-arranged plan of the first appellant and the second appellant to commit the offence can be inferred by reference to the acts of both of them meeting SP7 on 1 August 2001 and the fact that it was the second appellant who delivered the drugs to SP7.

[15] Kewujudan niat bersama ini adalah persoalan fakta yang dapat digarapkan daripada fakta dan keadaan kes berkenaan. Perancangan awal (pre-concert or pre-planning) ini boleh terbentuk pada masa itu atau semasa kesalahan tersebut dilakukan. Adalah jelas bahawa walaupun tertuduh kedua hanya berada di dalam kereta WVH 5171 dan tidak keluar berjumpa dan berbincang dengan SP3 di Restoran Pelita tersebut, barang kes dadah tersebut berada bersama tertuduh kedua di dalam kereta tersebut. Tertuduh kedua berada bersama barang kes sepanjang tertuduh pertama berjumpa dengan SP3. Oleh itu sememangnya tertuduh pertama dan tertuduh kedua mempunyai perancangan awal dan niat bersama di dalam melakukan kesalahan ini.

KESIMPULAN

[28] Berdasarkan alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami dengan sebulat suara mendapati bahawa rayuan perayu-perayu tidak bermerit. Kami dapati sabitan adalah selamat dan disokong oleh keterangan yang kukuh dan mencukupi. Dengan itu, rayuan perayu-perayu ditolak. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi disahkan dan dikekalkan.

Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor